

62

**SOALAN NO. 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 26 MAC 2018 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT** menyatakan senarai NGO yang bekerjasama dengan  
Kementerian di Kelantan dan jumlah peruntukan yang diberikan dalam  
menjayakan program Kementerian.

JAWAPAN : **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah memperkenalkan Peruntukan Bantuan Khas Perbendaharaan (PBKP) yang diberikan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi melaksanakan program-program KPWKM yang berteraskan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi.

Pengoperasian peruntukan ini dikendalikan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KPWKM yang bertanggungjawab terhadap kebajikan kumpulan sasar masing-masing. Pada tahun 2016 hingga 2017 sebanyak 11 NGO dari **Negeri Kelantan** telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang melaksanakan program dan menerima peruntukan sebanyak **RM202,600.00**.

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga, memberikan bantuan kewangan berupa geran kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak.

Sebanyak **lapan (8)** buah PSK di Negeri Kelantan, telah diluluskan Bantuan Kewangan Kerajaan berbentuk Geran Pentadbiran, Geran Rangsum dan Elaun Khas Murid OKU kepada **empat (4)** buah PSK OKU, **tiga (3)** buah PSK kanak-kanak dan **sebuah (1)** lagi PSK warga emas. Jumlah keseluruhan Bantuan Kewangan yang diluluskan adalah sebanyak **RM954,600.00** yang telah memberikan manfaat kepada **513** orang penghuni PSK tersebut pada tahun 2017.